KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PPP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **10 Mac 2026**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# STR Fasa 2 diagih lebih awal

## Bayaran secara berperingkat mulai hari ini bolehkan penerima buat persiapan Aidilfitri

**Oleh Rafidah Mat Ruzki**
bhnews@bh.com.my



*Anwar pada Majlis Perjumpaan Perdana Menteri Bersama Warga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, semalam. Turut sama Armizan, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Dr Fuziah Salleh, Shamsul Azri dan Ketua Setiausaha KPDN Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar.* (Foto BERNAMA)

**Putrajaya:** Pembayaran Sumbangan Tunai Rahmah (STR) Fasa 2 yang dijadualkan pada April ini akan diagihkan lebih awal, iaitu mulai hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata pembayaran STR itu diawalkan bagi membolehkan penerima membuat persiapan menjelang Aidilfitri minggu depan.

Beliau berkata, pembayaran dibuat secara berperingkat.

"Jadi kita awalkan kepada 10 Mac 2026. Saudara akan dapat dalam akaun STR Fasa 2.

"Jadi yang peringkat pertama diawalkan mulai 10 Mac membabitkan RM1.3 bilion untuk lima juta penerima STR supaya dapat dinikmati menjelang Aidilfitri.

"Jadi mula berperingkat mulai 10 Mac," katanya pada Perjumpaan Perdana Menteri bersama warga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abd Aziz.

### Bantuan khas RM500

Perdana Menteri turut mengumumkan bayaran Bantuan Khas Kewangan 2026 sebanyak RM500 akan disalurkan pada Jumaat ini kepada penjawat awam Gred 15 ke bawah, termasuk kakitangan lantikan kontrak.

Beliau berkata, pesara kerajaan dan veteran berpencen serta tidak berpencen juga akan menerima bantuan itu sebanyak RM250 pada tarikh sama.

"Bantuan ini dikecualikan daripada cukai pendapatan.

"Bagaimana kepada imam, bilal, tok siak, noja, marbut, guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) dan takmir?

"70,000 orang semuanya. Kita juga salurkan Bantuan Khas Kewangan 2026 Imam pada 13 Mac sebanyak RM500," katanya.

Pada masa sama, Anwar berkata, Kerajaan MADANI pada 4 Mac lalu sudah meluluskan perluasan bantuan subsidi FLYsiswa kepada institusi pengajian tinggi selain institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Beliau berkata, ia termasuk Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia, universiti separa kerajaan, institusi pengajian tinggi milik kerajaan negeri serta Institut Perladangan dan Komoditi.

Katanya, subsidi tiket penerbangan FLYsiswa bernilai RM400 yang bertujuan mengurangkan beban pelajar bagi laluan domestik di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak itu akan dapat dimanfaatkan lebih 50,000 pelajar bagi 2026 berbanding 44,000 pada tahun lalu.

### RM4 bilion bayar STR

Sementara itu *BERNAMA* melaporkan kerajaan menyediakan RM2.4 bilion bagi pembayaran Sumbangan Tunai Rahmah (STR) untuk suku pertama 2026.

Timbalan Menteri Kewangan, Liew Chin Tong, berkata setakat ini kerajaan sudah menyalurkan bayaran STR Fasa 1 kepada penerima yang layak dengan dana RM1.1 bilion bagi membantu rakyat menangani peningkatan kos sara hidup.

Katanya, selaras dengan pengumuman Perdana Menteri semalam, bayaran STR Fasa 2 akan diawalkan dan dibayar secara berperingkat mulai hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Roderick Wong Siew Lead pada sesi soal jawab di Dewan Negara semalam.

TELUS & TULUS Sinar Harian
sinarharian.com.my

HARI: SELASA
TARIKH: 10/3/2026
M/SURAT: 4

Ia secara berperingkat dan akan manfaatkan lima juta penerima di seluruh negara

# Kerajaan awalkan bayaran STR Fasa 2 bermula hari ini

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

**PUTRAJAYA** - Kerajaan mengumumkan pembayaran Sumbangan Tunai Rahmah (STR) Fasa 2 yang dijadualkan pada April diawalkan kepada Selasa secara berperingkat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memaklumkan, langkah tersebut melibatkan implikasi kewangan berjumlah RM1.3 bilion yang akan memanfaatkan lima juta penerima di seluruh negara.

"Kita nak sambut Aidilfitri, jadi kita awalkan kepada 10 Mac," katanya ketika berucap pada Majlis Perjumpaan Perdana Menteri bersama warga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di sini pada Isnin.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, Bantuan Khas Kewangan (BKK) sebanyak RM500 kepada semua penjawat awam Gred 15 dan ke bawah, termasuk lantikan kontrak akan dibayar pada 13 Mac.

"Ini termasuk pesara kerajaan dan veteran yang berpencen serta tidak berpencen yang turut menerima RM250 pada tarikh sama iaitu 13 Mac dan bantuan ini dikecualikan daripada cukai pendapatan," jelas beliau.

Selain itu, Anwar turut mengumumkan penyaluran sumbangan khas sebanyak RM500 kepada 70,000 guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA), guru takmir, imam, bilal, tok siak, noja dan marbut bagi menghargai khidmat mereka, seperti yang dibentangkan dalam Belanjawan 2026.

Selain itu, beliau turut mengumumkan subsidi tiket penerbangan bernilai RM400 bagi mengurangkan beban pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bagi laluan domestik antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak diperluaskan.

"Oleh kerana masih ada keluhan, jadi Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 Mac lalu telah meluluskan perluasan bantuan subsidi FlySiswa daripada IPTA, kini ditambah lagi kepada Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara), Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM), universiti separa kerajaan (Government-Linked Universities), institusi pengajian tinggi milik kerajaan negeri serta Institut Perladangan dan Komoditi.

"Ini akan melibatkan dan memberi manfaat kepada 50,000 pelajar pada tahun 2026 berbanding 44,000 pada tahun lalu," kata beliau.

FOTO: BERNAMA



Anwar hadir pada Majlis Perjumpaan Perdana Menteri Bersama Warga KPDN di Putrajaya pada Isnin.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

NEW STRAITS TIMES

HARI: SELASA
TARIKH: 10/3/2026
M/SURAT: 2




*Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim speaking at the Domestic Trade and Cost of Living Ministry's monthly assembly in Putrajaya yesterday.* NSTP PIC BY MOHD FADLI HAMZAH

SUMBANGAN TUNAI RAHMAH

# PHASE 2 OF STR TO BE DISBURSED TODAY

RM1.3b aid brought forward to help 5 million recipients for Ramadan, Hari Raya preparations, says PM

AMALIA AZMI
AND INAS FARID
**PUTRAJAYA**
news@nst.com.my

THE government will disburse the second phase of Sumbangan Tunai Rahmah (STR), involving an allocation of RM1.3 billion, in stages from today.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said the payments were brought forward from April to March 10 to help five million people during Ramadan and to prepare for Hari Raya Aidilfitri.

He said this at the Domestic Trade and Cost of Living Ministry's monthly assembly here.

Present were Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali, his deputy, Datuk Dr Fuziah Salleh, and Chief Secretary to the Government Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

The Finance Ministry said phase two involves an allocation of RM1.3 billion, an increase from RM1.1 billion distributed during phase one in January.

It said the payment would benefit 3.8 million households and 1.4 million single senior citizens, with assistance ranging from RM100 to RM600, depending on eligibility categories.

It said 200,000 newly approved recipients would receive payments from March 30.

Recipients with bank accounts will have the aid credited into their accounts, while those without, including recipients in Sabah, Sarawak and Labuan, can collect the payments at Bank Simpanan Nasional branches.

On another matter, Anwar said the government would disburse RM500 in special financial assistance to civil servants in Grade 15 and below, including those on contract, on Friday.

He said government retirees and veterans, both with and without pensions, would also receive RM250 on the same date.

"The special financial aid payment for 2026 was announced in the budget for civil servants," he said, adding that the assistance was exempt from income tax.

Anwar, who is also finance minister, said about 70,000 mosque officials and religious teachers — including imam, bilal, tok siak (mosque caretakers), Kafa teachers and takmir instructors — would receive a one-off RM500 special aid on the same day.

On another matter, he said the government had expanded the FlySiswa flight subsidy programme to include students from the National Academy of Arts, Culture and Heritage, industrial training institutes under the Labour Department's government-linked universities, state-owned higher education institutions, as well as the Plantation and Commodities Institute.

He said this move would benefit 50,000 students this year, up from 44,000 last year.

On another matter, he said 125,000 administrative, clerical and financial assistants in Grade 1 would be promoted to Grade 5 next year.

He said the promotions were subject to officers undergoing a two-week training course, with the Public Service Department refining the proposal and its prerequisites.

He said the matter had been frequently raised in meetings with Shamsul Azri and the PSD director-general, particularly in discussions on the implementation of the Public Service Remuneration System (SSPA).

"It has been said that there is still a need to improve its implementation, especially for certain groups.

"To improve career progression opportunities, I have asked the PSD to prepare a promotion pathway from Grade 1 to Grade 5, which will benefit about 125,000 officers."

Anwar said the training aimed to ensure officers keep up with developments in their qualifications, including exposure to information technology.

Shamsul Azri said the PSD would finalise the requirements and conditions over the next six months.

"We will improve the implementation of the SSPA by taking into account feedback, particularly regarding promotions for administrative assistants.

"One of the key requirements is additional training, with several conditions to be determined by the PSD.

"This initiative is planned to begin in January 2027."

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Rahmah Cash Aid phase 2 to be distributed today

BY **FAIZ RUZMAN**
*newsdesk@thesundaily.com*

**PUTRAJAYA:** The government has accelerated the payment of Rahmah Cash Aid (Sumbangan Tunai Rahmah-STR) phase 2 to today, disbursing RM1.3 billion to more than five million households nationwide, said Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Originally scheduled for April, the early payout aims to help households manage expenses ahead of *Ramadan* and *Hari Raya Aidilfitri*.

"STR Phase 2 was supposed to be paid in April but we brought it forward because we want to welcome the month of *Ramadan* and *Aidilfitri*.

"The first stage, starting March 10, will involve RM1.3 billion for five million STR recipients so that it can be enjoyed ahead of *Hari Raya Aidilfitri*."

He made the announcement during his address at the monthly assembly of the Domestic Trade and Cost of Living Ministry yesterday.

The accelerated payment is part of the government's wider effort to ease cost-of-living pressures during the festive season when households typically face higher spending on food, travel and celebrations.

STR is a targeted cash assistance programme aimed at supporting lower and middle-income households, distributed in several phases throughout the year.

Phase 1 was credited in January, while Phase 2 starts today following the decision to expedite disbursement.

Phases 3 and 4 are expected later in the year, usually mid-year and year end, in line with the government's scheduled payouts.

Meanwhile, in the Dewan Negara yesterday Deputy Finance Minister Liew Chin Tong said the government had allocated RM2.4 billion for STR payments in the first quarter of 2026.

He added that RM1.1 billion had already been distributed in Phase 1 to eligible recipients as part of efforts to ease the rising cost of living.

He was replying to a question by Senator Roderick Wong Siew Lead who asked about the latest status of STR recipients and why some applicants were ineligible.

Liew explained that common reasons for rejecting applications include income above the eligibility threshold, individuals with active Companies Commission of Malaysia records and cases requiring verification of marital status as well as applications of deceased persons.

Liew said more than eight million Malaysians currently benefit from STR and Rahmah Basic Aid payments, involving a total allocation of RM15 billion this year.

The number of recipients is expected to rise to nearly nine million by year-end as new applications, appeals and updates are processed.

# Ikhtiar kurangkan impak kenaikan harga minyak

**Putrajaya:** Kerajaan akan berusaha mengekalkan harga RON95 pada paras RM1.99 seliter supaya ia tidak membebankan rakyat, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Anwar yang juga Menteri Kewangan, berkata meskipun harga minyak dilaporkan semakin meningkat di pasaran global, keadaan di negara ini masih terkawal dengan ketetapan harga RON95 yang rendah menerusi subsidi bersasar.

"Harga minyak hari ini, harga minyak mentah Brent satu barel (tong) sudah naik 100 dolar Amerika.

"Kita masih bertahan dengan RM1.99 untuk BUDI 95 dan kita akan jalankan ikhtiar semaksimum mungkin supaya tidak membebankan rakyat," katanya ketika berucap pada majlis perjumpaan bersama warga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), di sini, semalam.

Turut hadir Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abd Aziz.

Perdana Menteri berkata, beliau menyatakan penghargaan terhadap seluruh jentera KPDN yang membantu negara dan rakyat mengawal kos sara hidup melalui pelbagai inisiatif yang dilaksanakan termasuk Program Jualan Rahmah MADANI.

Beliau berkata, tanpa komitmen warga KPDN yang sedia bekerja sehingga empat kali ganda berbanding bulan sebelumnya, ia tidak dapat dilakukan.

"Saya belum dengar ada rungutan. Ini luar biasa kesabaran. Kadangkala yang merungut, menteri yang memaklumkan dalam mesyuarat ada bahawa anak-anak buahnya dibebankan dengan begitu banyak tugas.

"Tetapi dia, seperti saya, juga bangga dengan komitmen saudara-saudara menjayakan program ini kerana program ini secara langsung memberi manfaat kepada rakyat Malaysia," katanya.

Pada masa sama, Perdana Menteri terus menegaskan sokongan Malaysia terhadap Iran yang mempertahan kedaulatan negaranya susulan serangan rejim Zionis Israel dan Amerika Syarikat.

"Kebetulan Ramadan bermula dengan serangan ganas rejim Zionis Israel dengan Amerika Syarikat menyerang Iran, yang tentunya mengundang tindak balas dan tindak balas itu sesuatu yang kita rasa hak Iran mempertahan kedaulatan negaranya, mempertahan kemerdekaannya.

"Tetapi dalam tindak balas itu, ada tindakan yang menyebabkan kesan itu ke negara jiran. Mulanya di kawasan yang disebut kawasan pangkalan tentera Amerika, tetapi apa yang berlaku ia juga tempiasnya ke kawasan awam, ada orang, masyarakat yang meninggal dan ada kerosakan harta benda.

"Sebab itu, kita juga antara yang terpanggil untuk menghubungi Iran dan negara sahabat untuk menyatakan sokongan kita kepada Iran dalam mempertahan negara itu konsisten dengan pendirian Malaysia selama ini," katanya.

Anwar berkata, pendirian Malaysia tidak bersetuju dengan keganasan, kerakusan kuasa dan percubaan menakluk atau mengganggu-gugat negara lain.

ASIA TIMES EST 1995
HARI: SELASA
TARIKH: 10/3/2026
M/SURAT: 16

# Bayaran STR Fasa Dua 2026 diawalkan kepada 10 Mac - PM

PUTRAJAYA: Pembayaran Sumbangan Tunai Rahmah (STR) Fasa Dua 2026 diawalkan kepada 10 Mac bagi membantu penerima membuat persiapan menyambut Aidilfitri.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata pembayaran awal itu melibatkan peruntukan sebanyak RM1.3 bilion yang akan memanfaatkan kira-kira lima juta penerima di seluruh negara.

"Bayaran STR Fasa Dua, kita awalkan bayarannya. STR Fasa 2 dibayar dulu bulan April 2025 tetapi kita awalkan kerana kita nak sambut Aidilfitri, jadi kita awalkan kepada 10 Mac 2026," kata beliau pada Majlis Perjumpaan Perdana Menteri bersama warga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), di sini, kelmarin.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata Bantuan Khas Kewangan (BKK) sebanyak RM500 kepada semua penjawat awam Gred 15 dan ke bawah, termasuk lantikan kontrak akan dibayar pada 13 Mac.

"Ini termasuk pesara kerajaan dan veteran yang berpencen dan tidak berpencen pun dapat RM250 pada tarikh yang sama iaitu 13 Mac dan bantuan ini dikecualikan daripada cukai pendapatan," katanya.

Selain itu, Perdana Menteri turut mengumumkan penyaluran sumbangan khas sebanyak RM500 pada 13 Mac kepada kira-kira 70,000 guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA), guru takmir, imam, bilal, tok siak, noja dan marbut bagi menghargai khidmat mereka, seperti yang dibentangkan dalam Belanjawan 2026.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat lanjut serta Soalan Lazim (FAQ) melalui portal rasmi https://bantuantunai.hasil.gov.my.

Turut hadir dalam perjumpaan berkenaan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Armizan Mohd Ali dan timbalannya Datuk Dr Fuziah Salleh serta Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.-Bernama.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: SELASA
TARIKH: 10/3/2026
M/SURAT: 2

# Kerajaan akan berusaha sedaya mungkin kekalkan RON95 pada RM1.99 seliter

**PUTRAJAYA:** Kerajaan akan berusaha sedaya mungkin untuk mengekalkan harga RON95 pada paras RM1.99 seliter supaya ia tidak membebankan rakyat, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata meskipun harga minyak dilaporkan semakin meningkat di pasaran global, namun keadaan di negara ini masih lagi terkawal dengan ketetapan harga RON95 yang rendah menerusi subsidi bersasar.

"Harga minyak hari ini, harga Brent satu barel (tong) sudah naik 100 dolar Amerika.

"Kita masih bertahan dengan RM1.99 untuk Budi 95 dan kita akan jalankan ikhtiar semaksimum mungkin supaya tidak membebankan rakyat," katanya ketika berucap pada majlis perjumpaan bersama warga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), di sini semalam.

Turut hadir Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Situasi di Timur Tengah tegang sejak 28 Feb lepas apabila Israel dan Amerika Syarikat (AS) melancarkan serangan ke atas Iran, diikuti serangan balas Tehran terhadap kepentingan AS di negara Teluk.

Meskipun konflik antara Iran dengan AS dan Israel masih berterusan, Timbalan Menteri Luar Iran Saeed Khatibzadeh bagaimanapun dilaporkan berkata Iran tidak menutup Selat Hormuz yang merupakan laluan laut penting bagi pengangkutan tenaga global.

Selat Hormuz, selat sempit yang terletak di antara Iran dan Oman dengan kelebaran 55 hingga 95 kilometer itu merupakan antara laluan perkapalan utama bagi sektor industri gas dan minyak dunia.

Anwar menegaskan Malaysia sememangnya tidak bersetuju dengan sebarang tindakan ganas terutama percubaan menakluk dan mengganggu-gugat negara lain.

"(Malaysia) tidak bersetuju dengan keganasan, tidak bersetuju dengan kerakusan kuasa dan percubaan menakluk atau mengganggu-gugat negara lain," katanya.

Dalam pada itu Perdana Menteri menzahirkan simpati terhadap negara di Timur Tengah yang terkesan dengan krisis ketegangan membabitkan Iran, AS dan Israel ketika ini.

"Saya telah hubungi Menteri Luar Iran (Seyed Abbas Araghchi) meminta supaya dapat sedaya upaya kawal (situasi) supaya hubungan baik antara jiran negara-negara Islam itu terus mantap," kata beliau.

Anwar turut menasihati rakyat supaya merancang perbelanjaan dan mengamalkan sikap berjimat cermat sebagai langkah persediaan menghadapi kemungkinan ketidaktentuan ekonomi global. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

TELUS & TULUS
Sinar Harian
sinarharian.com.my

HARI: SELASA
TARIKH: 10/3/2026
M/SURAT: 2

**Harga minyak dilapor semakin meningkat berikutan perang Amerika Syarikat dan Israel ke atas Iran**

# Kerajaan ikhtiar kekalkan harga RON95

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

LAPORAN MUKA DEPAN

**PUTRAJAYA** - Kerajaan akan melaksanakan ikhtiar secara maksimum bagi mengekalkan harga subsidi RON95 pada paras RM1.99 seliter supaya tidak membebankan rakyat meskipun pergolakan di Asia Barat sedang memuncak.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, harga minyak dilapor semakin meningkat berikutan perang Amerika Syarikat dan Israel ke atas Iran yang turut melibatkan beberapa negara Teluk.

"Harga minyak hari ini, harga Brent (iaitu) satu barel sudah naik AS$100. Kita masih bertahan dengan RM1.99 untuk Budi 95 dan akan jalankan ikhtiar semaksimum mungkin supaya tidak membebankan rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perjumpaan bersama warga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di sini pada Isnin.

Justeru, Anwar menyatakan penghargaannya terhadap seluruh jentera KPDN yang membantu negara dan rakyat mengawal kos sara hidup melalui pelbagai inisiatif yang dilaksanakan termasuk Program Jualan Rahmah Madani (PJRM).

Beliau berkata, tanpa komitmen warga KPDN yang sedia bekerja sehingga empat kali ganda berbanding bulan sebelumnya, ia tidak dapat dilakukan.

"Dan saya belum dengar ada rungutan. Ini luar biasa kesabaran. Kadang-kala yang merungut, Menteri yang memaklumkan dalam mesyuarat ada anak-anak buahnya dibebankan dengan begitu banyak tugas.

"Tetapi dia, seperti saya, juga bangga dengan komitmen saudara-saudara menjayakan program ini kerana program ini secara langsung memberi manfaat kepada rakyat Malaysia," katanya.


ANWAR

Pada 28 Februari lalu, AS dan Israel dalam operasi bersama melancarkan serangan udara besar-besaran ke atas Iran.

Sebagai tindak balas terhadap serangan itu, pasukan tentera Iran melancarkan serangan ke atas 14 pangkalan tentera AS antaranya di Qatar, Bahrain, Kuwait dan Emiriah Arab Bersatu.

Perang itu menimbulkan kegusaran global terhadap Selat Hormuz, laluan eksport minyak paling penting di dunia, yang menghubungkan pengeluar minyak utama Teluk - termasuk Arab Saudi, Iran, Iraq dan Emiriah Arab Bersatu - dengan Teluk Oman dan Laut Arab.

Bagaimanapun, Timbalan Menteri Luar Iran, Saeed Khatibzadeh berkata, Iran tidak menutup Selat Hormuz, dalam konflik.


Harga subsidi RON95 pada ketika ini kekal pada harga RM1.99.

Dalam pada itu, Anwar berkata, Malaysia tidak bersetuju dengan sebarang tindakan ganas terutama percubaan menakluk dan mengganggu-gugat negara lain.

"(Malaysia) tidak bersetuju dengan keganasan, tidak bersetuju dengan kerakusan kuasa dan percubaan menakluk atau mengganggu-gugat negara lain," katanya.

Beliau turut menzahirkan simpati terhadap negara di Asia Barat yang terkesan dengan krisis berkenaan.

"Saya telah hubungi dengan Menteri Luar Iran (Seyed Abbas Araghchi) meminta sedaya upaya kawal (situasi) supaya hubungan baik di antara jiran negara-negara Islam itu terus mantap," katanya.

Beliau turut menasihati rakyat supaya merancang perbelanjaan dan berjimat cermat sebagai langkah persediaan menghadapi kemungkinan ketidaktentuan ekonomi global.

# Kerajaan sedaya upaya kawal RON95

- Minyak mentah Brent melepasi AS$100 setong
- Berikutan konflik tercetus di Asia Barat

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

**PUTRAJAYA** – Kerajaan komited melaksanakan pelbagai ikhtiar bagi memastikan rakyat tidak terbeban ekoran tekanan terhadap harga minyak global ketika ini susulan konflik yang tercetus di Asia Barat ketika ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, buat masa ini, kerajaan masih boleh mengawal harga minyak berbanding negara-negara lain.

Beliau berkata, harga minyak dunia hari ini menyaksikan minyak mentah Brent meningkat kepada AS$100 setong, namun kerajaan masih mengekalkan harga RON95 pada RM1.99 seliter melalui mekanisme subsidi bersasar Budi.

"Kita akan jalankan ikhtiar semaksimum mungkin supaya tidak membebankan rakyat dan cuba," katanya pada majlis Perjumpaan Perdana Menteri Bersama Warga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), di sini semalam.

Kata Anwar, Malaysia kekal pendirian dan tidak bersetuju dengan eleman keganasan, kerakusan kuasa dan percubaan menakluk atau mengganggu-gugat negara lain.

Pada masa sama, Anwar berkata, kerajaan juga prihatin dengan tempias krisis itu terhadap negara-negara jiran termasuk Azerbaijan, Turki dan negara-negara Teluk.

"Saya telah hubungi dengan Menteri Luar Iran dan meminta supaya dapat sedaya upaya mengawal hubungan baik di antara jiran negara-negara Islam itu terus mantap.

Dalam pada itu, Anwar turut mengulas mengenai minyak peket bersubsidi, beliau menyatakan kerajaan akan mengambil tindakan tegas diambil terhadap mana-mana individu yang cuba menyeludup atau menyalahgunakan bekalan minyak masak paket bersubsidi.

Beliau berkata, tindakan itu selaras dengan peraturan larangan pembelian minyak masak paket bersubsidi kepada bukan warganegara berkuat kuasa 1 Mac lalu.

"Sejak 1 Mac ini, kita telah menguatkuasakan larangan penjualan dan pembelian minyak masak paket bersubsidi 1 kilogram kepada bukan warganegara.

"Ya, ini (tindakan) wajar. Mana mungkin subsidi diberikan kepada bukan warganegara. Ini yang kita laksanakan dulu dalam program elektrik dan Budi95, (jadi) pastikan pelaksanaannya itu berkesan," jelasnya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: SELASA
TARIKH: 10/3/2026
M/SURAT: 2

# Kerajaan berusaha kekalkan RON95 pada RM1.99 seliter

## Meskipun harga semakin meningkat di pasaran global, keadaan di negara ini masih terkawal menerusi subsidi bersasar

**PUTRAJAYA: Kerajaan akan berusaha sedaya mungkin untuk mengekalkan harga RON95 pada paras RM1.99 seliter supaya ia tidak membebankan rakyat, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.**

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata meskipun harga minyak dilaporkan semakin meningkat di pasaran global, namun keadaan di negara ini masih lagi terkawal dengan ketetapan harga RON95 yang rendah menerusi subsidi bersasar.

"Harga minyak hari ini, harga Brent satu barel (tong) sudah naik 100 dolar Amerika.

"Kita masih bertahan dengan RM1.99 untuk Budi 95 dan kita akan jalankan ikhtiar semaksimum mungkin supaya tidak membebankan rakyat," katanya ketika berucap pada majlis perjumpaan bersama warga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), di sini, semalam.

Turut hadir Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Situasi di Timur Tengah tegang sejak 28 Februari lepas apabila Israel dan Amerika Syarikat (AS) melancarkan serangan ke atas Iran, diikuti serangan balas Tehran terhadap kepentingan AS di negara Teluk.

Meskipun konflik antara Iran dengan AS dan Israel masih berterusan, Timbalan Menteri Luar Iran Saeed Khatibzadeh bagaimanapun dilaporkan berkata Iran tidak menutup Selat Hormuz yang merupakan laluan laut penting bagi pengangkutan tenaga global.

Selat Hormuz, selat sempit yang terletak di antara Iran dan Oman dengan kelebaran 55 hingga 95 kilometer itu merupakan antara laluan perkapalan utama bagi sektor industri gas dan minyak dunia.

Anwar menegaskan Malaysia sememangnya tidak bersetuju dengan sebarang tindakan ganas terutama percubaan menakluk dan mengganggu gugat negara lain.

